

## **Pahang catat 574 mangsa banjir setakat pukul 5 petang**

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI, 11 Disember 2022, 7:03 pm



BEBERAPA mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Semantan, Mentakab di Temerloh, Pahang. - IHSAN APM PAHANG

**KUANTAN:** Seramai 574 mangsa banjir daripada 174 keluarga di negeri ini berada di 11 pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka sehingga pukul 5 petang ini.

Berdasarkan laporan Info Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), daripada jumlah itu, seramai 387 mangsa banjir di daerah Temerloh

dipindahkan ke PPS di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Semantan yang dibuka sejak Khamis lalu.

Di Bera, 18 mangsa banjir berada di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Buntar yang dibuka pada Jumaat lalu dan sembilan mangsa berada di PPS SK Kerayong.

Selain itu, di Lipis pula, dua PPS dibuka di mana seramai 52 mangsa banjir berada di SK Lubuk Kulit dan 31 mangsa berada di Masjid Lubuk Kulit.

Dalam pada itu, di Jerantut, seramai 39 mangsa ditempatkan di dua buah PPS iaitu 19 di SK Batu Balai dan 20 di Balai Raya Kampung Sempadan.

Sementara itu, sebanyak empat buah PPS di buka di Raub yang mana seramai 30 mangsa berada di SK Ulu Atok, tiga mangsa berada di Balai Raya Kampung Ria, lapan mangsa berada di Masjid Kampung Kuala Semantan, dan tujuh mangsa berada di PPS Balairaya Kampung Sengkala. – UTUSAN